

Modul Pembelajaran Kendiri – Persamaan Perakaunan
Soalan Percubaan SPM Prinsip Perakaunan 2012 - Negeri Kedah

- 5(a) Berikut ialah Kunci Kira-kira Perniagaan Tualak pada 31 Mac 2012, sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Kuala Nerang:

Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2012

	RM		RM
Alatan pejabat	6 500	Modal awal	25 000
Penghutang	4 650	Untung bersih	4 950
Stok	18 500	Pembiutang	7 700
Bank	7 450		
Tunai	550		
	<hr/>		<hr/>
	37 650		37 650

Berikut urus niaga yang berlaku sepanjang bulan April 2012:

- (i) Membayar kadar bayaran dengan cek sebanyak RM150.
- (ii) Membawa masuk komputer peribadi RM3 000 untuk kegunaan perniagaan.
- (iii) Menjual barang niaga berkos RM4 000 kepada Piqa Enterprise secara kredit dengan harga RM4 350.
- (iv) Membayar pembiutang dengan cek bernilai RM1 900.
- (v) Pulangan belian barang niaga RM250.

Anda dikehendaki menyediakan Kunci Kira-kira pada 30 April 2012 (tunjukkan untung bersih) dengan mengambil kira urus niaga di atas. (Semua pengiraan hendaklah ditunjukkan di luar Kunci Kira-kira)

(12 markah)

Konsep penting:

Soalan ini memerlukan pelajar melihat **kesan urusniaga** terhadap baki item di dalam Kunci Kira-kira. Tajuk ini diperkenalkan kepada pelajar **sebelum** tajuk sistem catatan bergu, jadi perlajar **tidak perlu** menyediakan jurnal atau lejar dalam bentuk catatan bergu, hanya memerlukan pelajar menentukan sama ada berlaku **penambahan atau pengurangan** item Kunci Kira-kira berdasarkan urusniaga yang disediakan.

Nota:

1. Urusniaga yang berkaitan barang niaga akan melibatkan butiran stok.
2. Urusniaga yang melibatkan hasil (untung) atau belanja (rugi) akan melibatkan butiran **untung bersih**.

Cara menjawab:

1. Salin semula butiran Kunci Kira-kira seperti di bawah untuk tujuan pengiraan:

Alatan pejabat	6 500
Penghutang	4 650
Stok	18 500
Bank	7 450
Tunai	550
Modal awal	25 000
Untung bersih	4 950
Pembiutang	7 700

2. Lihat kesan urusniaga satu persatu ke atas butiran Kunci Kira-kira

- (i) Membayar kadar bayaran dengan cek sebanyak RM150.

Kesan urusniaga: Bayaran menggunakan cek menyebabkan bank berkurang RM150, manakala kadar bayaran iaitu belanja menyebabkan untung bersih berkurang RM150.

Alatan pejabat	6 500
Penghutang	4 650
Stok	18 500
Bank	7 450 - 150
Tunai	550
Modal awal	25 000
Untung bersih	4 950 - 150
Pembiutang	7 700

- (ii) Membawa masuk komputer peribadi RM3 000 untuk kegunaan perniagaan.

Kesan urusniaga: komputer peribadi yang dibawa masuk akan menyebabkan alatan pejabat bertambah RM3000 dan juga modal awal bertambah dengan amaun yang sama.

Alatan pejabat	6 500 +3000
Penghutang	4 650
Stok	18 500
Bank	7 450 – 150
Tunai	550
Modal awal	25 000 + 3000
Untung bersih	4 950 – 150
Pemiutang	7700

- (iii) Menjual barang niaga berkos RM4 000 kepada Piqa Enterprise secara kredit dengan harga RM4 350.

Kesan urusniaga: Stok berkurang pada harga kos RM4000, penghutang meningkat sebanyak RM4350 dan beza antara harga jualan dan harga kos iaitu RM350 ialah untung.

Alatan pejabat	6 500 +3000
Penghutang	4 650 + 4350
Stok	18 500 – 4000
Bank	7 450 – 150
Tunai	550
Modal awal	25 000 + 3000
Untung bersih	4 950 – 150 + 350
Pemiutang	7700

- (iv) Membayar pemiutang dengan cek bernilai RM1 900.

Kesan urusniaga: bayaran menggunakan cek menyebabkan bank berkurang RM1900 dan pemiutang juga berkurang RM1900.

Alatan pejabat	6 500 +3000
Penghutang	4 650 + 4350
Stok	18 500 – 4000
Bank	7 450 – 150 – 1900
Tunai	550
Modal awal	25 000 + 3000
Untung bersih	4 950 – 150 + 350
Pemiutang	7700 – 1900

- (v) Pulangan belian barang niaga RM250.

Kesan urusniaga: Stok yang dibeli dipulangkan menyebabkan stok berkurang RM250 dan pembiutang juga berkurang RM250.

Alatan pejabat	6 500 +3000	
Penghutang	4 650 + 4350	
Stok	18 500 – 4000 – 250	
Bank	7 450 – 150 – 1900	
Tunai	550	
Modal awal	25 000 + 3000	
Untung bersih	4 950 – 150 + 350	
Pembiutang	7700 – 1900 – 250	

3. Setelah selesai merekod kesan urusniaga, **jumlahkan setiap butiran** untuk mendapatkan baki baru.

Alatan pejabat	6 500 +3000	9500
Penghutang	4 650 + 4350	9000
Stok	18 500 – 4000 – 250	14250
Bank	7 450 – 150 – 1900	5400
Tunai	550	550
Modal awal	25 000 + 3000	28000
Untung bersih	4 950 – 150 + 350	5150
Pembiutang	7700 – 1900 – 250	5550

4. Akhir sekali, **sediakan semula Kunci Kira-kira** menggunakan **baki baru** dalam Format 'T'.

Perniagaan Tualak
Kunci Kira-kira pada 30 April 2012

Alatan pejabat	9500	Modal awal	28000
Penghutang	9000	(+) Untung bersih	5150
Stok	14250	Modal Akhir	33150
Bank	5400		
Tunai	550	Pembiutang	5550
	38700		38700